



SIARAN MEDIA

MAJLIS PELUNCURAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT SARAWAK 2025

KUCHING, 30 Julai : Majlis Peluncuran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Sarawak 2025 kembali lagi pada tahun ini dengan mengetengahkan aktiviti berkonsepkan komuniti selari dengan tema Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) 2025 iaitu 'Malaysia MADANI : Rakyat Disantuni'.

Pada tahun ini, Majlis Peluncuran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Sarawak 2025 akan berlangsung pada 2 Ogos 2025 (Sabtu) di Kompleks Sukan Satok @ Padang SLPAS Kuching dan disempurnakan oleh YB Datuk Abdullah bin Haji Saidol, Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Hal Ehwal Korporat, Penerangan dan Unit Komunikasi Awam Sarawak) mewakili Menteri Bertanggungjawab Sambutan Perayaan Hari Kebangsaan Peringkat Sarawak 2025.

Majlis peluncuran ini merupakan kesinambungan kepada Peluncuran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2025 yang telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada 27 Julai 2025 di Dataran Tanjung Emas, Muar, Johor.

Pelbagai pengisian utama diadakan pada hari tersebut termasuk Peluncuran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang, Pelepasan Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang (KMJG), dan Karnival Kita MADANI Peringkat Sarawak 2025.

Pada majlis tersebut, turut diadakan persembahan hiburan PENTARAMA, Jualan Rahmah, pameran oleh jabatan serta agensi, selain reruai jualan daripada Komuniti MADANI sekitar Kuching.

Acara pelepasan Konvoi KMJG 2025 Peringkat Sarawak juga akan dilakukan di Kompleks Sukan Satok, Padang SLPAS ke destinasi pertama iaitu Dewan Kampung Tematu, Batu Kitang sebelum Konvoi KMJG 2025 meneruskan kembara ke beberapa *checkpoint* di seluruh Sarawak yang melibatkan lima fasa dan berakhir pada sambutan Hari Malaysia pada 16 September 2025.

Setiap pergerakan dan laluan Konvoi KMJG 2025 akan dikemas kini melalui saluran media sosial Jabatan Penerangan Sarawak dari semasa ke semasa, dan pada setiap *checkpoint* ini juga turut diselitkan program-program khas sempena sambutan HKHM yang berkonsepkan hiburan bermaklumat.

Selain itu, orang ramai turut dijemput untuk bersama-sama mengelorakan bulan kebangsaan ini dengan menzahirkan rasa cinta kepada negara menerusi inisiatif 1 Rumah 1 Jalur Gemilang (1R1JG) yang bertepatan untuk menterjemah semangat patriotik dan rasa bangga menjadi anak Malaysia melalui kibaran Jalur Gemilang.